

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1993/94

Okttober/November 1993

HMP 403 - Analisis Kontrastif Bahasa-Bahasa  
di Malaysia

---

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM  
DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan, SOALAN 1 WAJIB dijawab dan TIGA [3] soalan yang lain.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. WAJIB

Adakah pembelajaran bahasa itu "pembelajaran satu set tabiat" atau "satu sistem rumus yang dihayati (diinternalisasikan)"? Bincangkan kedua-dua pendapat ini dan kaitannya dengan teori pembelajaran yang tertentu.

2. Versi teori Analisis Kontrastif yang dipelopori R. Lado (1957) dikatakan versi "kuat". Bincangkan pendapat ini.
3. Sediakan satu senarai struktur bahasa Melayu dari aspek fonetik dan fonologi dan bandingkannya dengan satu bahasa tempatan (dialek Melayu, bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Iban, bahasa Dusun). Bincangkan apakah persamaan dan perbezaan itu akan menjadi masalah/fasilitasi bagi pelajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.
4. Oller dan Ziahoesseiny menyatakan bahawa apabila bentuk dan makna dalam pola-pola bahasa pertama dan bahasa kedua terlalu kecil, ini mungkin akan mengakibatkan kekeliruan. Bincangkan hasil penyelidikan mereka ini tentang hipotesis teori Analisis Kontrastif.

5. Teliti ayat-ayat di bawah yang dihasilkan oleh pelajar bahasa Melayu sebagai B2. Terangkan kesalahan yang didapati dan strategi atau hipotesis yang digunakan yang berbeza daripada pengetahuan sejadi penutur kandung Bahasa Malaysia.
  - (a) \* Apa pula orang kata kelak?
  - (b) \* Hakim menjatuhkan Kalimuthu hukuman mati.
  - (c) \* Sila mengambil borang dan mengisikannya.
  - (d) \* Apa kaudapat dari dia?
  - (e) \* Buku ini dibacakan oleh Ali.
6. Tulis nota pendek bagi tajuk-tajuk yang berikut:
  - (a) kesalahan perkembangan (developmental errors)
  - (b) strategi pembelajaran bahasa
  - (c) dialek idiosinkratik (idiosyncratic dialect)
  - (d) bahasa antara (interlanguage)

-oooOOOooo-